

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

22. Pelaksanaan laluan basikal di Negeri Pulau Pinang telah menjadi model kepada negeri lain di Malaysia. Apakah rancangan masa hadapan bagi meningkatkan kemudahan ini kepada masyarakat setempat?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri mempunyai rancangan masa hadapan bagi meningkatkan kemudahan kepada masyarakat setempat dengan pelaksanaan laluan basikal di Pulau Pinang yang menjadi model kepada negeri lain. Di antara rancangan masa hadapan yang diperkenalkan adalah seperti :
- (i) Mewujudkan dan menyediakan Pelan Induk Laluan Basikal Pulau Pinang dan Seberang Perai yang berkonsepkan *Dedicated Lane dan Road Sharing*.
 - (ii) Merancang dan menyediakan pelbagai program termasuk papan tanda untuk laluan basikal di jalan – jalan yang telah ditentukan dalam Pelan Induk Laluan Basikal Seberang Perai.
 - (iii) Menyediakan Garis Panduan Laluan Basikal Bagi Pembangunan Baru terutamanya di kawasan rekreasi termasuk di jalan – jalan utama di seluruh negeri.

- (iv) Menyediakan dan memperluaskan laluan basikal dengan menyediakan *ramp* di bahu jalan di dalam taman-taman perumahan terutamanya di kawasan lapang, taman permainan serta kawasan industri termasuk bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk jalan-jalan utama yang diselenggara oleh JKR.
- (v) Menyediakan laluan berbasikal berkonsepkan *Off Road* seperti di persisir sungai atau pantai.
- (vi) Menambah dan menyediakan bilangan stesen perkongsian basikal seperti di lokasi perkhidmatan bas awam seperti *Link Bike* di kawasan George Town.